

**REKA BENTUK PENILAIAN INVENTORI
FAKAD RUMAH KEDAI WARISAN:
KAJIAN KES BANDARAYA IPOH, PERAK**

WAN NORDIANA BINTI WAN ALI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2023

**REKA BENTUK PENILAIAN INVENTORI
FAKAD RUMAH KEDAI WARISAN:
KAJIAN KES BANDARAYA IPOH, PERAK**

oleh

WAN NORDIANA BINTI WAN ALI

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2023

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT yang telah memberikan ilmu dan kekuatan untuk menyiapkan tesis ini. Juga selawat dan salam ke atas Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat dan seluruh kaum muslimin dan muslimat.

Setinggi - tinggi penghargaan kepada penyelia saya yang amat saya kagumi dan hormati iaitu Profesor Dr. A Ghafar Ahmad atas segala tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan. Pandangan dan cadangan yang diberikan oleh beliau banyak membantu dalam menyiapkan penyelidikan ini. Seterusnya para sahabat di Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi MARA Perak serta yang berada di industri, terima kasih diucapkan kepada semua atas kerjasama, sokongan dan dorongan yang sentiasa membangkitkan semangat untuk menamatkan penyelidikan ini. Akhir kata, sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diungkapkan kepada suami tercinta, Abdul Rahim Syah Khalib serta anak-anak tersayang, Muhammad Zafri, Nur Qaira dan Nur Zafeera yang sentiasa di sisi disaat sukar dan senang. Penyelidikan ini tidak akan mampu disiapkan tanpa doa berterusan, pengorbanan, sokongan padu, motivasi, dorongan dan bantuan daripada insan-insan istimewa ini. Semoga Allah membalas segala budi baik kalian semua.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iii
SENARAI JADUAL.....	viii
SENARAI RAJAH.....	xii
SENARAI FOTO.....	xv
SENARAI SINGKATAN KATA.....	xviii
SENARAI LAMPIRAN.....	xix
ABSTRAK.....	xx
ABSTRACT.....	xxi
BAB 1 PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Penyelidikan.....	1
1.2.1 Teori perancangan bandar di Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh.....	2
1.2.2 Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh.....	4
1.2.3 Sorotan penyelidikan terdahulu.....	7
1.3 Permasalahan dan Jurang Penyelidikan.....	10
1.3.1 Elemen signifikan fakad rumah kedai warisan.....	12
1.3.2 Garis panduan reka bentuk fakad rumah kedai warisan tidak lengkap.....	12
1.3.3 Perubahan tidak wajar pada fakad rumah kedai warisan.....	14
1.3.4 Pernyataan masalah.....	16
1.4 Rangka Kerja Konseptual.....	18
1.5 Persoalan Penyelidikan.....	20
1.6 Objektif Penyelidikan.....	20

1.7	Rangka Kerja Penyelidikan	22
1.8	Skop Penyelidikan	23
1.9	Struktur Tesis.....	24
BAB 2 KAJIAN LITERATUR.....		25
2.1	Pengenalan.....	25
2.2	Definisi Istilah	25
2.3	Bangunan Warisan.....	27
2.4	Rumah Kedai Warisan	28
2.5	Gaya Seni Bina	31
2.5.1	Peralihan (1880 - 1900-an).....	35
2.5.2	Eklektik (1890 - 1950-an)	37
2.5.3	Neoklasik (1980 - 1920-an).....	40
2.5.4	Seni Dekorasi (1925 - 1950-an)	42
2.5.5	Awal Moden (1940 - 1970-an).....	45
2.5.6	Moden (1970-an).....	46
2.6	Pengurusan Pemuliharaan Bangunan Warisan	47
2.6.1	Agensi pemuliharaan bangunan warisan di Bandaraya Ipoh	49
2.6.2	Rancangan Kawasan Khas	51
2.6.3	Keaslian dan integriti.....	52
2.7	Intervensi Bangunan Warisan.....	55
2.8	Penilaian Bangunan Warisan.....	60
2.8.1	Inventori	61
2.8.1(a)	Inventori antarabangsa - Kanada	63
2.8.1(b)	Inventori tempatan - Melaka.....	70
2.8.1(c)	Inventori tempatan - Ipoh.....	71
2.8.2	Rubrik.....	73

2.8.3	Penggredan	74
2.9	Rumusan	76
BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN.....		78
3.1	Pengenalan.....	78
3.2	Reka Bentuk Penyelidikan.....	79
3.3	Pendekatan Penyelidikan Kualitatif.....	83
3.4	Prosedur Penyelidikan Induktif	87
3.5	Teknik Pengumpulan Data	94
3.5.1	Kajian dokumen.....	95
3.5.2	Pemerhatian	96
3.5.3	Artifak.....	98
3.6	Pengurusan dan Analisis Data Secara Kaedah Manual	98
3.7	Analisis Data.....	100
3.7.1	Persampelan.....	100
3.7.2	Unit Analisis Data	101
3.7.3	Teknik Analisis.....	102
3.8	Kesahan.....	105
3.9	Kebolehpercayaan.....	109
3.9.1	Prosedur replikasi pembangunan inventori fakad rumah kedai warisan.....	109
3.9.2	Formula penentuan gaya seni bina dan intervensi fakad rumah kedai warisan	112
3.10	Etika Penyelidikan	116
3.11	Rumusan	117
BAB 4 KAJIAN KES: KAWASAN WARISAN BANDARAYA IPOH.....		119
4.1	Pengenalan.....	119
4.2	Bandaraya Ipoh: Bandar Warisan Bijih Timah	120

4.2.1	Sejarah Bandaraya Ipoh.....	122
4.2.2	Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh.....	126
4.3	Kategori Bangunan Di Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh.....	128
4.3.1	Bangunan Warisan Kategori 1.....	129
4.3.2	Bangunan Warisan Kategori 2.....	131
4.3.3	Isian Semula dan penggantian	131
4.4	Komponen Rumah Kedai Warisan	132
4.5	Fakad Rumah Kedai Warisan	141
4.5.1	Permukaan dinding.....	144
4.5.2	Struktur.....	148
4.5.3	Fenestrasi.....	150
4.5.4	Ornamen	151
4.5.5	Laluan masuk.....	156
4.6	Kajian Rintis	159
4.7	Kajian Kes	163
4.8	Rumusan	166
BAB 5 ANALISIS DAN PENEMUAN.....		168
5.1	Pengenalan.....	168
5.2	Analisis Penyelidikan	168
5.2.1	Objektif Penyelidikan 1 - Elemen fakad rumah kedai warisan	168
5.2.2	Objektif Penyelidikan 2 - Gaya seni bina fakad rumah kedai warisan.....	171
5.2.2(a)	Gaya seni bina.....	172
5.2.2(b)	Karektor gaya seni bina	173
5.2.2(c)	Karektor seni bina mengikut kategori.....	185
5.2.3	Objektif Penyelidikan 3 - Intervensi fakad rumah kedai warisan	192

5.2.3(a)	Langkah penentuan intervensi	192
5.2.3(b)	Potensi masalah.....	194
5.3	Penemuan Penyelidikan.....	201
5.3.1	Matriks taksonomi gaya seni bina	202
5.3.2	Rubrik intervensi	209
5.3.3	Gred	213
5.4	Cadangan Pemuliharaan Reka Bentuk Elemen Fakad.....	217
5.5	Rumusan	224
BAB 6 KESIMPULAN.....		225
6.1	Pengenalan.....	225
6.2	Penemuan untuk Objektif Penyelidikan	225
6.2.1	Objektif Penyelidikan 1	227
6.2.2	Objektif Penyelidikan 2.....	228
6.2.3	Objektif Penyelidikan 3.....	230
6.3	Sumbangan dan Implikasi Penyelidikan.....	232
6.3.1	Pemegang taruh	234
6.3.1(a)	Pihak Berkuasa Tempatan.....	234
6.3.1(b)	Pemilik	236
6.3.1(c)	Akademik.....	236
6.3.2	Reka bentuk bandar	237
6.3.2(a)	Skala makro: Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh.....	237
6.3.2(b)	Skala mikro: Fakad rumah kedai warisan	238
6.4	Had Penyelidikan.....	238
6.5	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	240
BIBLIOGRAFI.....		242
RUJUKAN.....		243

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Gaya seni bina bangunan warisan di Zon Teras Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh. 5
Jadual 1.2	Penyelidikan terdahulu bertemakan rumah kedai warisan. 8
Jadual 1.3	Penyelidikan terdahulu bertemakan pengurusan pemuliharaan 9
Jadual 1.4	Permasalahan dan jurang penyelidikan. 18
Jadual 1.5	Ringkasan objektif dan implikasi penyelidikan..... 21
Jadual 1.6	Rangka kerja penyelidikan. 22
Jadual 2.1	Kriteria bangunan warisan..... 27
Jadual 2.2	Sejarah penghijrahan yang mempengaruhi seni bina fakad rumah kedai warisan. 32
Jadual 2.3	Warisan ketara kebudayaan 48
Jadual 2.4	Pengurusan pemuliharaan bangunan warisan di Bandaraya Ipoh. .. 50
Jadual 2.5	Rancangan Kawasan Khas berkepentingan warisan di Malaysia.... 52
Jadual 2.6	Pendekatan pemuliharaan berdasarkan prinsip pemuliharaan pada bangunan dan fakad. 57
Jadual 2.7	Tahap intervensi dalam pemuliharaan bangunan warisan. 59
Jadual 2.8	Tahap intervensi dalam pemuliharaan fakad rumah kedai warisan. 60
Jadual 2.9	Inventori bangunan warisan beserta justifikasi. 63
Jadual 2.10	Ringkasan kriteria dan penilaian elemen bagi inventori bangunan dan kawasan warisan di Kanada, California, Hong Kong dan England. 66
Jadual 2.11	Perincian kriteria seni bina dan integriti bagi inventori Kanada. 68
Jadual 2.12	Contoh skor bagi penilaian bangunan warisan di Kanada..... 69
Jadual 2.13	Ringkasan inventori bangunan warisan Kanada, Melaka dan Ipoh. 72
Jadual 2.14	Contoh penggredan bangunan warisan..... 75

Jadual 2.15	Ringkasan kajian literatur gaya seni bina dan intervensi fakad rumah kedai warisan.	77
Jadual 3.1	Protokol kajian kes.	91
Jadual 3.2	Analisis data.	103
Jadual 3.3	Teknik analisis data	104
Jadual 3.4	Perbezaan kualiti kriteria penyelidikan kuantitatif dan kualitatif..	105
Jadual 3.5	Maklumat latar belakang responden.....	107
Jadual 3.6	Pengujian dan cadangan penambahbaikan inventori oleh responden PBT.	108
Jadual 3.7	Prosedur replikasi pembangunan inventori fakad rumah kedai warisan.	110
Jadual 3.8	Contoh matrik taksonomi gaya seni bina fakad rumah kedai warisan di kawasan X.	111
Jadual 3.9	Indikator penilaian dan penggredan elemen bangunan warisan....	113
Jadual 3.10	Ringkasan Bab 3 dan kaedah menjalankan penyelidikan.....	118
Jadual 4.1	Kawasan zon teras serta zon penampan dan bilangan bangunan di Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh.	127
Jadual 4.2	Kategori bangunan warisan di Zon Teras Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh.....	129
Jadual 4.3	Proses mengenalpasti elemen fakad rumah kedai warisan.....	144
Jadual 4.4	Kategori ornamen era kemodenan.	153
Jadual 5.1	Analisis kandungan elemen fakad bangunan.....	169
Jadual 5.2	Takrifan elemen fakad rumah kedai warisan.....	170
Jadual 5.3	Gaya seni bina fakad mengikut kategori.	172
Jadual 5.4	Penyelidikan tipologi gaya seni bina rumah kedai warisan di Malaysia.	174
Jadual 5.5	Kumpulan gaya seni bina fakad rumah kedai warisan di Malaysia.....	175
Jadual 5.6	Contoh analisis tematik karektor seni bina untuk gaya Peralihan.	176

Jadual 5.7	Senarai karektor dan kod gaya seni bina fakad rumah kedai warisan.....	178
Jadual 5.8	Perbezaan karektor anatara gaya seni bina fakad rumah kedai warisan.	184
Jadual 5.9	Contoh karektor sepadan bagi gaya seni bina Peralihan.	185
Jadual 5.10	Karektor seni bina gaya Peralihan.	186
Jadual 5.11	Karektor seni bina gaya Eklektik.....	187
Jadual 5.12	Karektor seni bina gaya Neoklasik.....	188
Jadual 5.13	Karektor seni bina gaya Seni Dekorasi.....	189
Jadual 5.14	Karektor seni bina gaya Awal Moden.	190
Jadual 5.15	Karektor seni bina gaya Moden.....	191
Jadual 5.16	Pecahan potensi masalah.	194
Jadual 5.17	Masalah keusangan.....	196
Jadual 5.18	Masalah penggantian.	198
Jadual 5.19	Masalah reka bentuk semula.....	199
Jadual 5.20	Matriks taksonomi gaya seni bina fakad rumah kedai warisan kategori Tradisional.	203
Jadual 5.21	Matriks taksonomi gaya seni bina fakad rumah kedai warisan kategori Kemodenan.	204
Jadual 5.22	Kod karektor gaya seni bina fakad rumah kedai warisan.....	207
Jadual 5.23	Formula pengiraan penentuan gaya seni bina fakad rumah kedai warisan.	208
Jadual 5.24	Formula pengiraan penentuan gaya seni bina fakad rumah kedai warisan.	208
Jadual 5.25	Rubrik dan skala intervensi fakad rumah kedai warisan.	210
Jadual 5.26	Ringkasan penilaian contoh fakad rumah kedai warisan gaya Peralihan.....	214
Jadual 5.27	Indikator penarafan gred fakad yang menunjukkan skor, gred dan skala.	216
Jadual 5.28	Garis panduan pemuliharaan fakad rumah kedai warisan.....	217

Jadual 5.29	Cadangan garis panduan langkah memulihara reka bentuk fakad rumah kedai warisan. Contoh cadangan pemuliharaan fakad gaya Peralihan Gred B.	223
Jadual 6.1	Ringkasan objektif penyelidikan 1	228
Jadual 6.2	Ringkasan objektif penyelidikan 2	230
Jadual 6.3	Ringkasan objektif penyelidikan 3	231

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Rangka kerja konseptual penyelidikan..... 19
Rajah 1.2	Ringkasan bab laporan penyelidikan..... 24
Rajah 2.1	Garis masa dan tipologi gaya seni bina fakad rumah kedai warisan di Malaysia oleh pakar dan penyelidik..... 34
Rajah 2.2	Garis masa dan tipologi gaya seni bina fakad rumah kedai warisan di Melaka, George Town, Ipoh dan Taiping berdasarkan kepada RKK dan Laporan Pengurusan Pemuliharaan oleh PBT..... 35
Rajah 2.3	Tiang gaya seni bina Klasik..... 41
Rajah 2.4	Jenis-jenis pedimen..... 42
Rajah 2.5	Kriteria keaslian dalam pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia..... 53
Rajah 2.6	Teori integriti dalam pemuliharaan bangunan warisan. 54
Rajah 2.7	Langkah penentuan intervensi minimum bagi kerja-kerja pemuliharaan bangunan warisan. 58
Rajah 2.8	Ringkasan kandungan inventori ' <i>The evaluation of historic building</i> '. 64
Rajah 2.9	Kandungan borang inventori bangunan warisan di Melaka. 71
Rajah 2.10	Kandungan borang inventori bangunan warisan di Bandaraya Ipoh. 72
Rajah 2.11	Jenis prestasi atau keadaan yang boleh dinilai dengan rubrik. 73
Rajah 3.1	Prosedur penyelidikan berdasarkan model 'Bawang Penyelidikan'. 79
Rajah 3.2	Rangka reka bentuk penyelidikan..... 82
Rajah 3.3	Rangka kerja penyelidikan induktif..... 86
Rajah 3.4	Reka kes tunggal sematan unit analisis berbilang. 90
Rajah 3.5	Teknik pengumpulan data penyelidikan..... 95

Rajah 3.6	Protokol teknik pengumpulan data pemerhatian.	97
Rajah 3.7	Analisis jenis kerangka.	99
Rajah 3.8	Perbandingan antara formula penilaian keadaan bangunan warisan dengan formula intervensi fakad rumah kedai warisan....	114
Rajah 3.9	Perbandingan antara formula asas pengiraan peratusan dengan formula penentuan gaya seni bina fakad rumah kedai warisan.	115
Rajah 4.1	Peta lokasi Ipoh, Perak yang berada di utara Semenanjung Malaysia.....	121
Rajah 4.2	Perkembangan Bandaya Ipoh dari tahun 1820 hingga 1960.	125
Rajah 4.3	Garis masa perkembangan Bandaraya Ipoh.	128
Rajah 4.4	Keratan sisi dalaman tipikal rumah kedai warisan (tanpa skala)...	133
Rajah 4.5	Ilustrasi pandangan pelan jenis-jenis tiang.....	150
Rajah 4.6	Kawasan kajian kes iaitu Jalan Sultan Iskandar, Bandaraya Ipoh.....	164
Rajah 5.1	Perincian elemen fakad rumah kedai warisan pelbagai gaya.	171
Rajah 5.2	Langkah strategi intervensi fakad rumah kedai warisan.	193
Rajah 5.3	Contoh maklumat rumah kedai warisan.	202
Rajah 5.4	Pilih markah 1 untuk karektor seni bina yang sepadan.	205
Rajah 5.5	Contoh pemilihan karektor gaya seni bina.	206
Rajah 5.6	Skor gaya seni bina fakad.....	209
Rajah 5.7	Formula pengiraan intervensi fakad.	211
Rajah 5.8	Contoh pengiraan intervensi fakad.....	212
Rajah 5.9	Skor markah gaya seni bina dan intervensi fakad.	213
Rajah 5.10	Formula pengiraan purata skor gaya seni bina dan intervensi fakad.	215
Rajah 5.11	Gred fakad rumah kedai warisan.....	216
Rajah 5.12	Tiang.....	218
Rajah 5.13	Bumbung.....	219

Rajah 5.14	Dinding.	219
Rajah 5.15	Pintu.	220
Rajah 5.16	Tingkap.	220
Rajah 5.17	Liang udara.	221
Rajah 5.18	Fenestrasi.	221
Rajah 5.19	Ornamen.	222
Rajah 6.1	Sumbangan dan implikasi penyelidikan.	232

SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 1.1	Deretan rumah kedai warisan di Jalan Sultan Iskandar, Bandaraya Ipoh..... 13
Foto 1.2	Contoh perubahan tidak wajar pada fakad rumah kedai warisan di Bandaraya Ipoh..... 15
Foto 2.1	Fakad rumah kedai warisan gaya Peralihan. 36
Foto 2.2	Penghiasan pelbagai motif dan warna. 38
Foto 2.3	Fakad rumah kedai warisan gaya Eklektik. 39
Foto 2.4	Ragam hias lepa acuan pengaruh Klasik. 42
Foto 2.5	Fakad rumah kedai warisan gaya Neoklasik. 42
Foto 2.6	Fakad rumah kedai warisan gaya Seni Dekorasi. 44
Foto 2.7	Fakad rumah kedai warisan gaya Awal Moden..... 46
Foto 2.8	Fakad rumah kedai warisan gaya Moden. 47
Foto 3.1	Rumah kedai warisan di Jalan Sultan Iskandar. 87
Foto 3.2	Rumah kedai warisan di Jalan Theatre. 87
Foto 3.3	Contoh fakad rumah kedai warisan di kawasan X. 110
Foto 4.1	Pemandangan Kawasan Warisan Ipoh. 120
Foto 4.2	Aktiviti perlombongan awal di Ipoh pada 1890an. 123
Foto 4.3	Bangunan Warisan Kategori 1 di Bandaraya Ipoh. 130
Foto 4.4	Contoh Bangunan Warisan Kategori 2 di Jalan Theatre, Bandaraya Ipoh..... 131
Foto 4.5	Tapak isian semula dan bangunan penggantian, Bandaraya Ipoh..... 132
Foto 4.6	Deretan rumah kedai warisan di sekitar Jalan Sultan Yussuf dan Jalan Market yang mengadap jalan raya di Bandaraya Ipoh..... 134

Foto 4.7	Pandangan dari sisi luar rumah kedai warisan di Jalan Koo Chong Kong dan Jalan Bijeh Timah, Bandaraya Ipoh.	135
Foto 4.8	Telaga udara di dalam rumah kedai warisan di Bandaraya Ipoh dan dari pandangan luar sisi bangunan di Lorong Bijeh Timah dan Jalan Tun Sambanthan.	136
Foto 4.9	Contoh kaki lima rumah kedai warisan di Jalan Sultan Iskandar, Jalan Panglima dan Jalan Market, Bandaraya Ipoh.	137
Foto 4.10	Contoh ruang komersil rumah kedai warisan di Lorong Bijeh Timah dan Lorong Panglima, Bandaraya Ipoh.	138
Foto 4.11	Bilik tidur utama yang telah diubahsuai menjadi ruang galeri serta pandangan luar bilik tidur rumah kedai warisan di Lorong Bijeh Timah, Bandaraya Ipoh.	138
Foto 4.12	Contoh bumbung curam, bumbung bicu dan dinding cucur atap rumah kedai warisan di Jalan Sultan Idris Shah, Jalan Tun Sambanthan dan Jalan Panglima, Bandaraya Ipoh.	139
Foto 4.13	Pandangan hadapan deretan rumah kedai warisan di Jalan Yau Tet Shin, Bandaraya Ipoh.	140
Foto 4.14	Contoh fakad rumah kedai warisan di Lorong Bijeh Timah (a), Jalan Tun Sambanthan (b) dan Jalan Sultan Yussuf (c), Bandaraya Ipoh.	141
Foto 4.15	Kemasan butiran pasir atau lepa Shanghai rumah kedai warisan di Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh.	146
Foto 4.16	Bumbung rumah kedai warisan di Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh.	147
Foto 4.17	Rasuk kayu dan konkrit rumah kedai warisan di Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh.	148
Foto 4.18	Fenestrasi rumah kedai warisan di Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh.	151
Foto 4.19	Penghiasan ornamen rumah kedai warisan di Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh.	155
Foto 4.20	Pintu rumah kedai warisan di Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh.	156
Foto 4.21	Tingkap rumah kedai warisan di Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh.	158
Foto 4.22	Liang udara rumah kedai warisan di Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh.	159

Foto 4.23	Gaya seni bina fakad rumah kedai warisan di Kawasan warisan Bandaraya Ipoh.....	161
Foto 4.24	Masalah fakad rumah kedai warisan di Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh.....	162
Foto 4.25	Blok A hingga Blok F rumah kedai warisan di bahagian kiri Jalan Sultan Iskandar, Bandaraya Ipoh.....	165
Foto 4.26	Blok G hingga Blok L rumah kedai warisan di bahagian kanan Jalan Sultan Iskandar, Bandaraya Ipoh.....	166
Foto 5.1	Struktur tiang dan rasuk.....	180
Foto 5.2	Elemen litupan bangunan: Sub-elemen bumbung	180
Foto 5.3	Elemen litupan bangunan: Sub-elemen dinding.....	180
Foto 5.4	Elemen bukaan: Sub-elemen pintu.....	181
Foto 5.5	Elemen bukaan: Sub-elemen tingkap.....	181
Foto 5.6	Elemen bukaan: Sub-elemen liang udara.....	182
Foto 5.7	Elemen fenestrasi.....	182
Foto 5.8	Elemen ornamen.....	183
Foto 5.9	Pengekalan fakad rumah kedai warisan mengikut gaya seni bina.....	195
Foto 5.10	Keusangan.....	197
Foto 5.11	Penggantian.....	198
Foto 5.12	Reka bentuk semula.....	200
Foto 5.13	Lain-lain masalah.....	201
Foto 5.14	Rasuk.....	218

SENARAI SINGKATAN KATA

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
JPBD	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
JWN	Jabatan Warisan Negara
MBI	Majlis Bandaraya Ipoh
MBMB	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
MBPP	Majlis Bandaraya Pulau Pinang
MPT	Majlis Bandaraya Taiping
RKK	Rancangan Kawasan Khas
RT	Rancangan Tempatan
TWD	Tapak Warisan Dunia
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Contoh nota lapangan karektor gaya seni bina fakad
Lampiran B	Contoh nota lapangan masalah dan intervensi fakad
Lampiran C	Inventori fakad rumah kedai warisan
Lampiran D	Contoh inventori
Lampiran E	Kesahan penyelidikan
Lampiran F	Glosari
Lampiran G	Senararai penerbitan artikel
Lampiran H	Senarai pertandingan reka bentuk

REKA BENTUK PENILAIAN INVENTORI FAKAD RUMAH KEDAI

WARISAN: KAJIAN KES BANDARAYA IPOH, PERAK

ABSTRAK

Pada hari ini, banyak rumah kedai warisan di kawasan bandar utama di Malaysia termasuk Bandaraya Ipoh, Perak, dilihat masih tetap utuh. Aset seni bina ini adalah penting kerana menggambarkan kegemilangan dan pencapaian Bandaraya Ipoh sejak berabad lamanya. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian rumah kedai warisan ini mengalami perubahan tidak wajar pada fakad disebabkan oleh aktiviti yang tidak mematuhi prinsip pemuliharaan. Situasi ini telah mencetuskan fenomena karektor seni bina yang tidak konsisten pada elemen fakad. Oleh itu, penyelidikan ini memfokuskan kepada dua aspek iaitu membangunkan matriks taksonomi gaya seni bina serta rubrik intervensi yang bertujuan untuk mendokumentasi serta menilai tahap keutuhan reka bentuk fakad rumah kedai warisan. Kaedah pemerhatian berstruktur terhadap rumah kedai warisan telah dijalankan di Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh untuk gaya seni bina Peralihan, Eklektik, Neoklasik, Seni Dekorasi, Awal Moden dan Moden. Selain itu, pemerhatian berstruktur juga dijalankan untuk mengkaji pelbagai masalah dan intervensi fakad seperti pemeliharaan, keusangan, penggantian, reka bentuk semula dan sebagainya. Unit analisis pula merangkumi elemen fakad rumah warisan termasuklah struktur, litupan bangunan, bukaan, fenestrasi dan ornamen. Data terkumpul diproses secara analisis kandungan menggunakan teknik pengekodan terbuka dan tematik untuk mendapatkan senarai karektor seni bina fakad, kategori masalah serta intervensi yang berlaku pada fakad rumah kedai warisan. Hasil penyelidikan menemukan matrik taksonomi gaya seni bina dan rubrik intervensi fakad rumah kedai warisan yang kemudiannya diformulasi untuk membangunkan instrumen penilaian eFakad. Penggunaan eFakad sebagai inventori oleh Pihak Berkuasa Tempatan boleh meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan maklumat serta garis panduan reka bentuk fakad rumah kedai warisan yang sedia ada dalam pengurusan pemuliharaan bangunan warisan. Disamping itu, penambahbaikan sistem pengurusan pemuliharaan bangunan warisan ini memberi implikasi makro dan mikro terhadap konsep reka bentuk bandar dengan pengekalan keutuhan fizikal fakad rumah kedai warisan serta keharmonian latar langit dan lanskap bandar Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh demi penghayatan generasi akan datang.

INVENTORY ASSESSMENT DESIGN OF HERITAGE SHOPHOUSE

FACADES: CADE STUDY OF IPOH CITY, PERAK

ABSTRACT

Nowadays, many heritage shophouses remain intact in major urban areas in Malaysia, including Ipoh City, Perak. These architectural assets are significant as they portray the glory and achievements of Ipoh City over the centuries. However, some of these heritage shophouses are facing inappropriate façade changes due to improper conservation activities performed on the heritage properties. These situations have resulted in the phenomenon of inconsistency elements of building facades. Therefore, this research focuses on two aspects regarding heritage shophouse facades; first, developing the taxonomy of architectural styles according to the elements, and second, developing the rubric for intervention of facades for classifying and grading the intactness design of the heritage shophouse facades. Structured observation had been conducted at the Heritage Area of Ipoh City for architectural styles involving Transitional, Eclectic, Neo-Classical, Art Deco, Early Modern and Modern. The structured observation was also intended to identify problems and intervention of facade according to various approaches such as preservation, dilapidated, replacement, redesign and etc. The analysis units are the elements of the heritage shophouse facades that includes structural, building enclosure, opening, fenestration and ornamentation. Content analysis had been done using open coding in thematic analysis. Similarities and repetitive pattern of collected data has produced a list of architectural characteristics and problems or intervention that occurred on the heritage shophouse facades. The results of the research are the taxonomy matrix of architectural styles and the intervention rubric for the heritage shophouse facades which were then formulated to develop eFakad as an instrument for the assessment. The use of eFakad as an inventory by the local authorities can improve the effectiveness of the information management system as well as the existing design guidelines of heritage shophouses facades in the heritage buildings management. In addition, the improvement of the conservation management system of this heritage building has macro and micro implications on urban design concept by maintaining the physical integrity of the heritage shophouse facades as well as the harmonious of the skyline and townscape of the Ipoh City Heritage Area for the the future generations.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab pendahuluan ini akan membincangkan tentang latar belakang penyelidikan secara keseluruhan, pernyataan masalah dan jurang penyelidikan, persoalan dan objektif penyelidikan, metodologi penyelidikan, skop dan limitasi penyelidikan serta akhir sekali adalah ringkasan struktur tesis.

1.2 Latar Belakang Penyelidikan

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik dengan daya tarikkannya dari segi sejarah dan budaya yang boleh dilihat melalui bangunan warisannya seperti rumah Melayu, bangunan kolonial dan lain-lain lagi (Fee, 1998). Dari sudut sejarah, negara ini pernah dijajah oleh kuasa kolonial iaitu Portugis, Belanda dan British bermula dari tahun 1511 hingga negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Kesan daripada itu, bangunan-bangunan warisan kolonial tinggalan penjajah ini dapat dilihat di bandar-bandar utama di Malaysia seperti George Town, Ipoh, Kuala Lumpur, Kuching, Melaka dan Taiping dengan pelbagai gaya dan pengaruh seni bina (Arazi et al., 2010). Bangunan warisan kolonial ini akhirnya menjadi aset seni bina yang berharga kepada negara dan merupakan antara tarikan utama pada masa kini rentetan perkembangan industri pelancongan yang berkonsepkan pelancongan bandar warisan (Abdul Aziz, 2011).

Dengan peredaran masa dan tekanan pembangunan di kawasan warisan termasuklah Ipoh, bangunan warisan kolonial mengalami perubahan fizikal seperti keusangan yang memerlukan penyelenggaraan, pemeliharaan dan pemuliharaan. Bukan

itu sahaja, terdapat juga bangunan warisan diruntuhkan untuk memberi laluan kepada pembangunan dan infrastruktur. Selain daripada itu, terdapat juga pemilik bangunan melakukan pengubahsuaian pada bangunan warisan kolonial tanpa mematuhi prinsip pemuliharaan. Akhirnya tindakan pengubahsuaian tersebut memberi kesan terhadap keaslian dan integriti bangunan itu (Jabatan Warisan Negara, 2016). Sepatutnya, bangunan warisan kolonial perlu dijaga dan diawasi dari dimusnahkan atau dibaikpulih tanpa perancangan dan pengurusan yang sistematik (JWN, 2012).

Kesimpulannya, bangunan warisan kolonial perlu mengekalkan karektornya yang asal sebagai bukti sejarah dan hanya memerlukan pendekatan atau gangguan yang minima (Tan et al., 2016). Di samping itu, pemahaman dan pengetahuan tentang kepentingan pemuliharaan perlu dititikberatkan dalam pelaksanaan projek pembangunan di kawasan warisan walaupun berdepan dengan cabaran yang agak sukar seperti kekurangan maklumat tentang jenis kecacatan fizikal bangunan, kegagalan mengekalkan keaslian fabrik bangunan, kegagalan mendapatkan bahan binaan asal, kekurangan sumber kewangan dan lain-lain lagi (Tan et al., 2016). Sekiranya prinsip pemuliharaan tidak dipatuhi, adalah dikhuatiri akan menjejaskan nilai estetik dan seni bina bangunan warisan sekaligus mengurangkan minat masyarakat, pelancong dan pelabur terhadap warisan budaya ini (A Ghafar, 2010).

1.2.1 Teori perancangan bandar di Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh

Perancangan bandar merupakan suatu bidang seni dan sains yang dipersembahkan dalam bentuk peta, lukisan dan lain-lain untuk mengatur kegunaan tanah, perletakkan bangunan serta laluan pengangkutan bagi memaksimumkan keperluan ekonomi serta menyediakan suasana yang selesa dan harmoni (Keeble, 1969; dalam Halmi, 2000). Menurut Cohen (2001), perancangan dan pemuliharaan bandar adalah saling melengkapi.

Oleh itu, Perancangan bandar untuk Bandaraya Ipoh adalah seiring dengan matlamat untuk merancang pembangunan dan memelihara fabrik bandar yang terdapat di Kawasan Warisan agar tidak terancam dan musnah (MBI, t.t.). Pemeliharaan bandar warisan ini bermula dengan proses pengurusan kawasan warisan iaitu penyediaan kajian Rancangan Kawasan Khas untuk Bandaraya Ipoh. Kajian tersebut dibuat untuk mewujudkan reka bentuk bandar yang menggabungkan pembangunan dan pemuliharaan bangunan warisan secara seimbang serta seiring dengan matlamat ke-11 dalam Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) iaitu ‘Bandar dan Komuniti yang Mampan’ (Sahul Hamid & Khairi, 2021). Menurut pihak Majlis Bandaraya Ipoh (MBI, t.t.), penyediaan inventori bangunan warisan adalah penting serta perlu dilakukan secara berterusan di dalam proses pemeliharaan warisan alam bina dan budaya cara hidup bandar yang menjadi rujukan utama dalam melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:

- i. Kawalan perancangan dan bangunan.
- ii. Usaha memelihara bangunan warisan yang signifikan.
- iii. Usaha memetakan sejarah bangunan dan kawasan.
- iv. Usaha memelihara warisan budaya dan aktiviti bandar.

Inventori yang khusus kepada keutuhan reka bentuk fakad amatlah penting kerana fakad berfungsi untuk menyampaikan imej seni bina dan identiti bangunan yang menjadi salah satu faktor pembentukan skala mikro reka bentuk bandar yang melatari lanskap jalan. Pemeliharaan fakad rumah kedai warisan menyumbang kepada peremajaan bandar sebagai refleksi imej latar bandar (Sa’afilah et al., 2017) dan lanskap jalan yang menarik. Orbasli (2020) bersetuju bahawa latar bandar dan lanskap jalan yang menarik ini akan mendorong kedatangan pelancong sekaligus memacu ekonomi setempat. Oleh itu, maklumat yang diperolehi melalui inventori yang lengkap akan membantu pihak

berkuasa tempatan untuk merancang kaedah dalam meningkatkan kualiti rupa jalan serta kesan visualnya melalui reka bentuk fakad rumah kedai warisan yang utuh.

1.2.2 Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh


Bandar-bandar warisan mempunyai keistimewaan dan karektor yang tersendiri (Aidatul Fazlin et al., 2021) yang mengandungi kawasan, bangunan atau monumen yang mempunyai kepentingan semula jadi, budaya atau sejarah yang perlu pelihara sebagai sebahagian legasi budaya dan warisan (Palomar et al., 2018). Menurut Roders dan Oers (2011), bandar warisan terbahagi kepada tiga kategori iaitu; 1) Bandar warisan tidak berpenghuni, 2) Bandar warisan berpenghuni, dan 3) Bandar baru abad ke-20. Bandaraya Ipoh dikategorikan sebagai bandar warisan yang berpenghuni dan berpotensi sebagai pusat tumpuan pelancongan warisan serta masih mengekalkan warisan budaya berupa aset seni bina bangunan warisan kolonial. Selain terkenal sebagai wilayah galian terkemuka di dunia pada suatu masa dahulu, Bandaraya Ipoh ini juga sangat unik dari sudut geografi kerana dikelilingi bukit-bukit batu kapur semula jadi (MBI, t.t.).

Konteks kajian untuk penyelidikan ini tertumpu pada Zon Teras dalam Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh yang telah diwartakan pada 18 Disember 2014 dibawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) merangkumi keluasan 79.7 hektar Zon Teras dan 175.5 hektar Zon Penampakan (Rujuk Jadual 1.1). Antara faktor keistimewaan Bandaraya Ipoh untuk dijadikan konteks kajian adalah kerana bilangan bangunan warisan yang banyak iaitu 1,022 lot (MBI, 2014) di Zon Teras dan kepelbagaian gaya seni bina kolonial yang diintegrasikan dengan persekitaran dan seni bina tempatan daripada pelbagai pengaruh etnik (Ahmad Sanusi & Shaiful Rizal, 2012). Evolusi gaya seni bina kolonial di Malaysia dan Bandaraya Ipoh ini dipengaruhi pergerakan gaya seni bina dunia bermula dengan kedatangan pengaruh British, India dan China yang berlangsung dari

abad ke-18 hingga awal abad ke-20 (Fee, 1998; & Pillai, 2020) yang membawa bersama pelbagai unsur gaya seni bina negara masing-masing. Namun begitu, pergerakan era seni bina di Malaysia adalah tidak seiring dengan perkembangan di Eropah dan negara-negara barat yang telah bermula lebih awal iaitu sekitar abad ke-17 untuk gaya klasik dan abad ke-18 untuk gaya kemodenan (Gympel, 2013).

Di Bandaraya Ipoh, bangunan-bangunan warisan ini terbahagi kepada tiga (3) kategori iaitu; i) Bangunan Warisan Kategori 1 iaitu bernilai tinggi termasuklah bangunan dan manumen, ii) Bangunan Warisan Kategori 2 yang bernilai sederhana iaitu bangunan rumah kedai warisan, serta iii) Isian Semula dan Penggantian iaitu pembangunan tanah kosong, lot sedia ada atau bangunan sementara (MBI, 2014). Gaya seni bina utama fakad bangunan-bangunan warisan tersebut adalah seperti Jadual 1.1.

Jadual 1.1 Gaya seni bina bangunan warisan di Zon Teras Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh.



(MBI, 2014)

Dari segi sejarah, rumah kedai warisan ini dibina dalam lingkungan tempoh 1900an hingga 1970an. Dalam tempoh waktu tersebut, Ipoh telah melalui pelbagai peristiwa penting bermula dari pembukaan kampung kecil sehinggalah kedatangan etnik lain kerana aktiviti perlombongan bijih timah. Pada satu ketika, Ipoh pernah menjadi pusat perlombongan bijih timah utama di dunia bahkan lebih maju berbanding negeri-negeri lain di Tanah Melayu kerana adanya bijih timah ini. Kesan dari aktiviti perlombongan ini, ramai pelombong dan peniaga menjadi kaya-raya. Lantaran itu, para hartawan ini mula melakukan perubahan dengan mencantikkan fakad bangunan masing-masing serta mula memiliki kenderaan sendiri. Menurut Jabatan Penerangan Malaysia (2011), kenderaan pertama yang berdaftar di Malaysia adalah di Perak dengan plet pendaftaran kenderaan bermula dengan huruf A kerana ketika itu, penduduk Perak mencatatkan jumlah pemilikan kenderaan paling tinggi hasil daripada kekayaan aktiviti perlombongan. Walau bagaimanapun, zaman kegemilangan tersebut menemui pengakhirannya apabila pasaran bijih timah jatuh merudum sekitar tahun 1960an.

Namun kini, Bandaraya Ipoh mampu menjadi daya tarikan utama dalam industri pelancongan bandar warisan di negeri Perak dengan keunikan sejarah dan khazanah seni bina yang dimiliki. Walau bagaimanapun, rumah kedai warisan di Ipoh berhadapan dengan cabaran untuk mengekalkan keutuhan reka bentuk asal fakad. Peremajaan semula rumah kedai warisan dilihat semakin rancak dilakukan oleh pemilik bangunan bagi tujuan perniagaan sehingga diancam fenomena perubahan tidak wajar pada elemen fakad rumah kedai warisan tersebut (MBI, 2014). Antaranya ialah pengubahsuaian yang tidak menepati reka bentuk gaya seni bina yang asal seperti membuang elemen-elemen seni bina yang melambangkan gaya seni bina dan era bangunan tersebut dibina serta penggantian bahan atau penambahan elemen baru dan moden (A Ghafar, 2010). Sekiranya permasalahan ini dibiarkan berterusan tanpa kawalan dan garis panduan yang

jelas, peluang Kawasan Warisan Ipoh untuk disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO (*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*) sebagaimana yang dirancang oleh kerajaan tempatan dalam Rancangan Tempatan Ipoh 2020 (JPBD Perak, 2010) pada masa akan datang boleh tergugat. Merujuk kepada Seksyen 15(1)(c) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), halatuju pembangunan yang digariskan dalam RT Ipoh 2020 ini masih terpakai sehinggalah Draf Rancangan Tempatan Ipoh 2035 (Penggantian) (JPBD Perak, t.t.) diwartakan.

Dengan bilangan aset seni bina yang banyak, keunikan sejarah, potensi perkembangan industri pelancongan bandar warisan di Ipoh, serta perancangan pihak berkuasa tempatan ke arah menjadikan Ipoh sebagai Tapak Warisan Dunia, maka pemilihan Kawasan Warisan Ipoh sebagai konteks penyelidikan ini adalah sangat sesuai untuk dilaksanakan.

1.2.3 Sorotan penyelidikan terdahulu

Noraini et. al. (2013) menyatakan bahawa sorotan dan ulasan literatur penyelidikan adalah tentang maklumat, masalah dan tema-tema yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan. Oleh itu, pencarian dan ulasan penyelidikan-penyelidikan terdahulu yang berkaitan dengan elemen dan gaya seni bina fakad rumah kedai warisan diringkaskan dalam Jadual 1.2. Jadual 1.3 pula merupakan ringkasan penyelidikan yang bertemakan pengurusan pemuliharaan bangunan warisan merangkumi dokumentasi, penilaian dan pelan pemuliharaan bangunan warisan.

Jadual 1.2 Penyelidikan terdahulu bertemakan rumah kedai warisan.

Tema penyelidikan	Rumah kedai warisan	
Sub-tema penyelidikan	a) Fakad rumah kedai warisan. b) Elemen fakad bangunan rumah kedai warisan. c) Gaya seni bina fakad bangunan rumah kedai warisan tempatan.	
Sumber	Skop	Ringkasan dan Penemuan
Fee (1998)	Malaysia	Ensaiklopedia seni bina di Malaysia merangkumi dari binaan pondok hingga ke pencakar langit. Gaya seni bina fakad rumah kedai warisan yang dikaji adalah Peralihan, Neoklasik, Patrician Belanda, Seni Dekorasi dan Moden.
JWN (2013)	Malaysia	Penerbitan umum berkenaan bangunan warisan, fakad, ragam hias serta gaya seni bina rumah kedai warisan iaitu Belanda, China Selatan, Eklektik Awal, Eklektik Lewat, Neoklasik, Seni Dekorasi dan Awal Moden.
Elnokaly & Wong (2014)	Malaysia	Analisis perbandingan UBBL, SAP dan GBI dari segi reka bentuk fizikal, reka bentuk hijau dan sosio budaya rumah kedai warisan.
Zalina et al. (2018)	Malaysia	Kesan Revolusi Perindustrian terhadap seni bina rumah kedai warisan.
Teuling (2009) dan Noorfadhilah & Shamzani Affendy (2012)	Melaka	Kajian mengenai sejarah seni bina dan tipologi seni bina serta intervensi yang berlaku pada rumah kedai warisan di Melaka.
Mohd Jaki & Muhammad Firzan (2020)	Perak	Entiti dan identiti fakad rumah kedai warisan di pekan-pekan kecil di Perak.
Tan e tal. (2016)	Ipoh	Menentukan jenis dan tahap kecacatan yang terdapat pada bangunan.
Rozliani et al. (2012), Wooi (2015), Ahmad et al. (2019) dan Zalina et al. (2015)	George Town	Dokumentasi terperinci mengenai elemen fakad rumah kedai warisan, karektor, sejarah dan gaya seni bina fakad rumah kedai warisan di George Town.
Omar & Muna Hanim (2016; 2019)	George Town	Latar belakang kawasan dan sejarahnya, ciri-ciri seni bina, kategori, komposisi geometri serta kesan peralatan khidmat bangunan pada gaya seni bina dan kualiti fakad rumah kedai warisan di George Town.
Oday et al. (2016), Tan & Fujita (2013;2014) dan Akram & Azizi (2017; 2019; 2021)	George Town	Kajian tentang ciri-ciri ruang dalaman rumah kedai warisan Peranakan, pengubahsuaian dalaman rumah kedai warisan serta tentang komponen seni bina laman tengah rumah kedai warisan gaya Eklektik.
Amir & Kamariah (2009) dan Amir & Soha (2018)	Kuala Lumpur	Pengaruh elemen fakad bangunan terhadap imej fakad bangunan warisan dan lanskap jalan di Kuala Lumpur.
Gurstein (1990)	Kuala Lumpur	Antara penulisan terawal mengenai pelbagai gaya seni bina kolonial di Malaysia. Terdapat matriks elemen terperinci karektor gaya seni bina bangunan warisan di Malaysia.
Nur Farhana et al. (2017)	Taiping	Menyelidik tentang karektor yang menentukan elemen bangunan rumah kedai termasuklah ciri-ciri ketara dan tidak ketara. Kajian kes adalah rumah kedai warisan di Taiping, Perak.

Bersambung...

Sambungan...

Sumber	Skop	Ringkasan dan Penemuan
Li (2007)	Singapura	Pengaruh etnik terhadap fakad rumah kedai kolonial di Chinatown, Singapura. Elemen dan tipologi fakad rumah kedai warisan dari etnik Cina, India dan Melayu.
Eddy et al. (2020)	Medan	Tipologi karektor elemen rumah kedai di kota Medan yang bercirikan identiti etnik.
Nathatai (2017)	Thailand	Identiti dan karektor rumah kedai warisan di daerah Ta Kua Pa, Thailand.

Jadual 1.3 Penyelidikan terdahulu bertemakan pengurusan pemuliharaan.

Tema penyelidikan	Pengurusan pemuliharaan	
Sub-tema penyelidikan	a) Dokumentasi b) Penilaian bangunan warisan c) Pelan Pemuliharaan	
Sumber	Skop	Ringkasan dan Penemuan
Stovel (2007)	Antarabangsa	Nyatakan bahawa keaslian dan integriti adalah efektif sebagai syarat kelayakan Warisan Dunia.
Ulukan dan Arslan (2012)	Antarabangsa	Penyelidikan tentang membangunkan sistem penarafan keaslian pemuliharaan seni bina.
Guzman et al. (2018)	Antarabangsa	Pengurusan dikaitkan dengan sistem pemantauan dan penilaian yang direka dengan baik.
Kass et al. (2016)	Eropah	Penyelidikan tentang kaedah pra-penilaian untuk penilaian pengubahsuaian bangunan bersejarah.
Mohd Yuszaidy (2018)	Malaysia	Pemuliharaan warisan budaya di Malaysia menerusi perundangan warisan.
Siti Nor Fatimah et al. (2017) dan Wei & Indera Syahrul (2021)	Malaysia	Penyelidikan tentang kriteria penting untuk mengukur keadaan bangunan warisan.
Sa'afilah e tal. (2017)	Malaysia	Kriteria penting penilaian fakad rumah kedai warisan di Malaysia yang dikaji secara soal selidik.
Mohd Jaki & A Ghafar (2015)	Ipoh	Potensi dan konsep penyesuaigunaan semula bangunan warisan untuk sektor ekonomi dan pelancongan di Bandaraya Ipoh.
Nur Farhana et al. (2015)	Taiping	Inventori Tempat Warisan: alat untuk membuktikan kepentingan tempat warisan.
Zahari et al. (2018), Leng & Mui (2017), Mui & Leng (2017)	George Town	Kajian tentang prosedur dan proses pemuliharaan bangunan warisan rumah kedai dan muzium serta penilaian kualiti kerja pemuliharaan.
Katahenggam (2019)	George Town dan Singapura	Perbezaan persepsi pelancong terhadap kawasan warisan George Town dan Singapura.
Linda Shafarina & Yahaya (2017)	Malaysia	Metodologi penilaian untuk membangunkan alat penarafan integrasi elemen bangunan dan elemen budaya.
Isnen & Yahaya (2017).	Malaysia	Kepentingan dokumentasi kerja pemuliharaan bangunan warisan.

Kajian dan penyelidikan berkaitan gaya serta karektor seni bina fakad rumah kedai warisan telahpun dijalankan oleh beberapa penyelidik terdahulu. Namun begitu, kebanyakan penyelidikan tersebut dijalankan di George Town dan Melaka. Walaupun terdapat beberapa penyelidikan lain telah dijalankan di Kawasan Warisan Ipoh, tetapi penumpuan penyelidikan tersebut adalah tentang sejarah dan seni bina rumah kedai warisan secara umum, penyesuaigunaan semula, penyelenggaraan, pembangunan sosio ekonomi setempat dan lain-lain lagi. Selain itu, masalah yang menggugat pengekaln keutuhan reka bentuk dan seni bina rumah kedai warisan tidak pernah dibincangkan secara mendalam bersama cadangan penyelesaian yang tepat. Oleh yang demikian, keadaan ini telah mewujudkan jurang serta membuka ruang untuk menyelidik masalah yang berlaku pada rumah kedai warisan terutamanya fakad bangunan tersebut. Topik-topik penyelidikan terdahulu juga tidak mengkaji secara langsung tentang inventori dan dokumentasi rumah kedai warisan di Ipoh. Oleh itu, penyelidikan ini akan diteruskan dengan panduan tema dan hasil maklumat daripada penyelidikan-penyelidikan terdahulu.

1.3 Permasalahan dan Jurang Penyelidikan

Ipoh telah melalui proses pembangunan bermula dari tahun 1890-an yakni lebih dari 100 tahun. Dalam jangka masa tersebut, pembangunan semula kawasan warisan di kawasan bandar berlaku dengan pantas (Lim, 2014) mengakibatkan pelbagai perubahan berlaku pada fakad dan bangunan itu sendiri termasuklah intervensi ataupun gangguan pada fizikal bangunan. Antara jenis intervensi yang mungkin berlaku pada bangunan rumah kedai warisan adalah seperti pembaikpulihan, pengembalian semula, penyesuaigunaan semula, pembinaan semula, pembangunan semula, pengukuhan dan kegunaan yang sepadan (MBI, 2014). Walau bagaimanapun, terdapat situasi yang menyebabkan perubahan tidak wajar pada fakad rumah kedai warisan seperti

pengubahsuaian, menaiktaraf, meminda, reka bentuk semula dan penggantian yang semakin meningkat dari tahun ke tahun yang mengabaikan karektor seni bina fakad yang asal (Noorfadhilah & Shamzani Affendy, 2012; Tan, 2014; Shuhana et al., 2012, Pheng, 2014; Azmi, 2017). Apabila fenomena ini terjadi, maka tercetus isu nilai keaslian dan integriti yang terjejas akibat perubahan karektor asal fakad rumah kedai warisan. Secara tidak langsung, masalah ini boleh menggugat peluang untuk disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada masa akan datang. Oleh yang demikian, langkah pengekalan seni bina fakad rumah kedai warisan perlu dilaksanakan dengan penambahbaikan dalam sistem pengurusan pemuliharaan bangunan warisan di Ipoh selaras dengan keperluan Kerajaan Tempatan iaitu untuk mengekalkan kawasan warisan dan gaya seni bina fakad bangunan warisan (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak, 2012).

Masalah berkaitan bangunan warisan ini tidak hanya berlaku di Malaysia malah turut berlaku dinegara-negara lain. Di negara China, projek pemuliharaan bangunan warisan mempunyai banyak isu berkaitan pengurusan termasuklah penggunaan bahan binaan yang salah, kekurangan dana serta kekurangan piawaian yang jelas dalam penilaian projek (Shan et al., 2022). Di Portugal pula, banyak bangunan warisan memerlukan pembaikan dan pemulihan yang memerlukan dana yang besar. Namun disebabkan pendapatan yang rendah selepas zaman perang dunia kedua dan penggunaan bahan baharu seperti konkrit bertetulang dan keluli, maka banyak bangunan ditinggalkan tanpa pembaikan dan pemulihan (Lourenco, 2006). Bagi mengelakkan masalah-masalah seperti ini berlaku, cadangan agar satu badan khas ditubuhkan bagi menyelaraskan usaha-usaha pemeliharaan, pengumpulan dan publisiti maklumat yang tepat berkaitan sejarah warisan Ipoh telah dinyatakan dalam Rancangan Tempatan Ipoh 2020 (JPBD Perak,

2012). Tiga permasalahan khusus berkaitan fakad rumah kedai warisan di Bandaraya Ipoh yang akan dirungkaikan dalam penyelidikan ini adalah seperti subtopik yang seterusnya.

1.3.1 Elemen signifikan fakad rumah kedai warisan

Secara umumnya, Dewan Bahasa dan Pustaka (t.t.) mentafsirkan fakad sebagai bahagian luar bangunan yang paling menyerlah, iaitu di bahagian hadapan atau sisi bangunan yang mengadap kawasan laluan orang ramai. Fakad ibarat wajah bangunan dengan ciri-ciri kecantikan reka bentuk pada elemennya yang ditonjolkan agar dapat menarik perhatian orang yang melihatnya serta mampu menyampaikan maksud dan fungsi sesuatu bangunan. Namun begitu, apakah definisi khusus serta elemen-elemen signifikan bagi fakad rumah kedai warisan dari perspektif reka bentuk dan seni bina? Oleh itu, persoalan ini perlu dikaji dengan lebih lanjut untuk mengenalpasti dan mengetahui setiap elemen signifikan pada fakad rumah kedai warisan yang menyampaikan maklumat, imej serta identiti bangunan tersebut.

1.3.2 Garis panduan reka bentuk fakad rumah kedai warisan tidak lengkap

Oleh kerana ketiadaan kawalan yang jelas sebelum ini, banyak bangunan warisan kategori 2 telah mengalami perubahan-perubahan yang tidak wajar pada fakad namun masih mengekalkan struktur dan profil asal bangunan (MBI, 2014). Perubahan tidak wajar berkenaan adalah seperti menukar rupa bentuk tingkap, membuang elemen-elemen yang melambangkan gaya seni bina dan era bangunan, menukar kemasapan seperti dinding kaca serta menutup tingkap sedia ada dengan papan, konkrit, papan tanda dan lain-lain. Sebelum pewartaan RKK Pekan Ipoh 2020 pada tahun 2014, terdapat sebilangan pemilik bangunan rumah kedai yang mengubahsuai bangunan dan fakad hadapan bangunan mereka kerana pembangunan semula di kawasan warisan, keusangan bangunan, perubahan gaya seni bina ataupun kerana ingin menunjukkan kekayaan masing-masing

yang mana boleh dilihat pada perhiasan yang ditonjolkan pada permukaan dinding fakad tersebut.

Terdapat juga bangunan baru dibina diantara bangunan-bangunan lama (Wan Hashimah, 2012; Toong & Utaberta, 2015) yang mengabaikan integrasi reka bentuk fakad bangunan warisan yang memberi kesan fizikal pada keunikan dan keharmonian reka bentuk bangunan sedia ada (Noorfadhilah & Shamzani Affendy, 2012; & Mohd Fadil & Hairul Nizam, 2014) serta imej Ipoh sebagai destinasi pelancongan. Perubahan ini bukan sahaja berlaku selepas 1970-an malahan sepanjang era pembangunan Ipoh sama ada mematuhi prinsip pemuliharaan ataupun tidak kerana tidak tertakluk dibawah mana-mana akta dan peraturan. Akhirnya, fakad deretan rumah kedai yang asalnya mempunyai gaya seni bina yang seragam telah berubah dan menjadi tidak sama diantara unit-unit bersebelahan lalu menjurus kepada masalah visual (Omar, 2016) yang memberikan kesan negatif terhadap imej sejarah (Toong & Utaberta 2015; Amir Hossien & Kamariah, 2009) serta nilai estetik bangunan warisan itu sendiri. Akhirnya, masalah-masalah ini telah menyebabkan kesukaran dalam mengenalpasti gaya seni bina fakad bangunan warisan dengan tepat (Ahmad Sanusi et al. 2019). Foto 1.1 menunjukkan rupa fakad hadapan deretan rumah kedai warisan di Bandaraya Ipoh yang sebahagiannya tidak seragam dari segi reka bentuk.



Foto 1.1 Deretan rumah kedai warisan di Jalan Sultan Iskandar, Bandaraya Ipoh.

Menurut Shuhana (2005), antara punca kepada masalah terawal yang dihadapi oleh bangunan warisan adalah tiada garis panduan reka bentuk fakad yang sesuai atau terperinci yang boleh dirujuk bagi memastikan reka bentuk fakad bangunan kekal mengikut gaya seni bina asalnya. Rancangan Kawasan Khas George Town (Majlis Bandaraya Pulau Pinang, 2016) sebagai contoh, ada menggariskan reka bentuk gaya seni bina bangunan rumah kedai warisan dan sumber rujukan berkenaan gaya seni bina ini dan juga boleh diperolehi melalui penerbitan penyelidikan serta buku. Sebaliknya, reka bentuk terperinci bagi setiap gaya seni bina utama yang terdapat di kawasan warisan Ipoh tidak disertakan dalam RkK Pekan Ipoh 2020 (MBI, 2014). Laporan itu hanya menyenaraikan enam (6) gaya seni bina utama iaitu; Neoklasik, Peralihan, Eklektik, Seni Dekorasi, Awal Moden dan Moden. Temubual awal yang dijalankan dengan wakil Pihak Berkuasa Tempatan Ipoh juga ada mengesahkan bahawa pihak mereka tidak mempunyai maklumat dan dokumentasi yang jelas tentang karektor gaya seni bina bangunan ini. Situasi ini menjelaskan bahawa sememangnya terdapat kekurangan rujukan yang terperinci bagi pemilik bangunan dan Penguasa Tempatan dalam memberi panduan kepada semua pihak (Tan, 2016).

1.3.3 Perubahan tidak wajar pada fakad rumah kedai warisan

Menurut pernyataan dalam RKK Pekan Ipoh 2020 (MBI, 2014), Ipoh merupakan kawasan sejarah yang masih dalam keadaan utuh dengan bangunan-bangunan warisan dan tapak bersejarah. Namun, melalui pengamatan dalam tinjauan awalan di kawasan warisan ini dan disokong dengan tinjauan literatur sepertimana berlaku di kawasan warisan lain di Malaysia, wujud isu-isu seperti pindaan dan peningkatan gangguan fizikal pada fakad bangunan rumah kedai warisan (Toong & Utaberta 2015; Noorfadhilah & Shamzani Affendy, 2012) seperti elemen fakad bangunan yang tidak konsisten (Amir

Hossien & Kamariah, 2009), pengabaian ciri-ciri seni bina asal (Noorfadhilah & Shamzani Affendy, 2012; Tan, 2014; Shuhana et al., 2012; Pheng, 2014; Azmi, 2017) yang menyebabkan konflik imej dan identiti bangunan warisan (Zalina & Rodzyah, 2012; Elnokaly & Wong, 2014), membuang elemen-elemen seni bina yang melambangkan gaya seni bina dan era bangunan tersebut dibina (MBI, 2014) dan lain-lain lagi.

Pemilik rumah kedai warisan juga berdepan dengan tekanan untuk mengekalkan ciri-ciri asal reka bentuk bangunan yang dimiliki tetapi dalam masa yang sama perlu mengimbangi ekonomi dan perniagaan (Zalina & Rodzyah, 2012). Perkara ini mendorong pemilik bangunan untuk melakukan perubahan pada reka bentuk bangunan untuk menarik perhatian pelanggan, memenuhi keperluan penaja dan sebagainya. Foto 1.2 menunjukkan contoh fakad rumah kedai warisan yang bermasalah akibat ketidakpatuhan kepada prinsip pemuliharaan disebabkan ketiadaan kawalan yang jelas sebelum ini.




Foto 1.2 Contoh perubahan tidak wajar pada fakad rumah kedai warisan di Bandaraya Ipoh.

1.3.4 Pernyataan masalah

Berikutan kewujudan fenomena perubahan tidak wajar pada elemen fakad rumah kedai warisan yang memberi impak dari segi reka bentuk fakad yang tidak konsisten dan kesukaran untuk mengenalpasti kategori gaya seni bina fakad rumah kedai warisan, langkah pencegahan daripada penularan masalah ini adalah diperlukan. Oleh itu, sistem pengurusan maklumat yang komprehensif, sistematik, lengkap dan cekap akan menambahbaik sistem pengurusan maklumat sedia ada merangkumi penyimpanan maklumat, analisis maklumat, membuat keputusan, merancang serta mengawal (Laudon dan Laudon, 2014; serta Stair dan Reynolds, 1999).

Sungguhpun usaha pemuliharaan bangunan warisan telah dimulakan sejak bertahun-tahun oleh pihak-pihak yang berkaitan termasuklah pemilik bangunan, namun kajian dalam pelaksanaan penilaian fakad rumah kedai warisan masih belum dikaji secara terperinci sama ada diperingkat kebangsaan mahupun tempatan iaitu di Bandaraya Ipoh dan perkara ini telah disahkan sendiri oleh wakil Majlis Bandaraya Ipoh dalam satu temu bual yang telah dijalankan pada peringkat awal penyelidikan. Beliau juga turut menambah bahawa pihak MBI juga amat mengalu-alukan cadangan penambahbaikan inventori dan sumber maklumat berkenaan rumah kedai warisan di Bandaraya Ipoh. Oleh itu, satu penyelidikan yang bertujuan untuk merekabentuk inventori fakad rumah kedai warisan sebagai indikator penarafan fakad rumah kedai bagi meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan maklumat bangunan warisan berdasarkan keperluan Majlis Bandaraya Ipoh amat perlu untuk dijalankan dan perkara ini turut disokong melalui pernyataan RKK Pekan Ipoh 2020 (MBI, 2014), muka surat 3-1 yang menyatakan bahawa:

“Inventori bangunan bagi Zon Teras yang telah disediakan perlu dikemaskini dari semasa ke semasa manakala inventori bangunan bagi Zon Penampakan perlu disediakan untuk melengkapkan inventori bangunan warisan”.

Pernyataan RKK Pekan Ipoh ini jelas menekankan tentang keperluan penambahbaikan inventori bangunan warisan manakala Rancangan Tempatan Ipoh 2020 (JPBD Perak, 2012), muka surat 3-27 pula menetapkan bahawa:

“Pengekalan kawasan, gaya seni bina dan fakad bangunan yang mempunyai ciri-ciri warisan dan keunikan seni bina akan dilaksanakan di kawasan Zon Warisan Pusat Bandar dan kawasan pusat-pusat petempatan”.

Sehubungan dengan itu, dapat disimpulkan bahawa Kerajaan Tempatan telah mensasarkan untuk melaksanakan pelbagai usaha yang perlu untuk memelihara dan memulihara warisan seni bina di Bandaraya Ipoh supaya tersenarai sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada masa akan datang. Jadual 1.4 menunjukkan ringkasan permasalahan yang berlaku pada rumah kedai warisan di Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh serta jurang pengetahuan (Miles, 2017).


Jadual 1.4 Permasalahan dan jurang penyelidikan.

ISU: Keutuhan reka bentuk fakad rumah kedai warisan di Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh.			
	1	2	3
Masalah	Pengabaian elemen signifikan fakad rumah kedai warisan.	Gaya seni bina fakad rumah kedai warisan sukar dikenal pasti.	Perubahan tidak wajar elemen fakad rumah kedai warisan.
Punca	Pemeliharaan dan pemuliharaan tidak fokus pada elemen signifikan fakad rumah kedai warisan.	Perubahan pada elemen fakad yang mengabaikan karektor seni bina.	Pengubahsuaian, pemindaan, mereka bentuk semula, penggantian elemen dan lain-lain.
Persoalan penyelidikan	Apakah elemen fakad rumah kedai warisan yang signifikan mengikut garis masa dari konteks seni bina?	Bagaimanakah kaedah mengenalpasti gaya seni bina fakad rumah kedai warisan di Bandaraya Ipoh?	Bagaimanakah kaedah untuk menilai keutuhan reka bentuk fakad rumah kedai warisan?
Jurang penyelidikan	Tiada definisi dan huraian elemen fakad rumah kedai warisan yang spesifik.	Garis panduan reka bentuk fakad rumah kedai warisan di Bandaraya Ipoh tidak lengkap.	Tiada indikator keutuhan reka bentuk fakad rumah kedai warisan di Bandaraya Ipoh.
	Kurangannya rujukan terperinci dan pengetahuan tentang seni bina fakad serta sistem pengurusan maklumat bangunan warisan yang perlu ditambahbaik.		
Objektif penyelidikan	Mengenalpasti elemen fakad rumah kedai warisan yang signifikan mengikut garis masa.	Membangunkan matriks taksonomi gaya seni bina fakad rumah kedai warisan di Bandaraya Ipoh.	Membangunkan rubrik penilaian intervensi fakad rumah kedai warisan di Bandaraya Ipoh.
PERNYATAAN MASALAH: Ipoh telah melalui proses pembangunan melebihi 100 tahun yang menyaksikan pelbagai perubahan tidak wajar telah berlaku pada fakad rumah kedai warisan sehingga mengabaikan karektor seni bina asal. Ini mencetuskan fenomena yang tidak baik yang menjejaskan keutuhan reka bentuk fakad serta boleh menggugat peluang Ipoh untuk disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada masa akan datang berikutan kurangnya rujukan terperinci, pengetahuan tentang seni bina fakad serta sistem pengurusan maklumat bangunan warisan yang perlu ditambahbaik.			
TUJUAN: Merekabentuk inventori fakad rumah kedai warisan.			
RASIONAL: Sebagai indikator untuk penilaian dan dokumentasi fakad rumah kedai bagi menambahbaik sistem pengurusan maklumat bangunan warisan kategori 2 di Bandaraya Ipoh.			
KEPENTINGAN: Berdasarkan keperluan Majlis Bandaraya Ipoh dalam pernyataan RKK Pekan Ipoh 2020 yang menekankan keperluan penambahbaikan inventori bangunan warisan dari masa ke masa serta Rancangan Tempatan Ipoh 2020 yang bermatlamat menjadikan Bandaraya Ipoh sebagai Bandar Warisan sekaligus tersenarai sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada masa akan datang.			

1.4 Rangka Kerja Konseptual

Rangka kerja konseptual dalam Rajah 1.1 menunjukkan tentang isu berkaitan pengendalian keutuhan reka bentuk fakad rumah kedai warisan di Bandaraya Ipoh yang dibelenggu oleh masalah perubahan tidak wajar. Pengabaian terhadap elemen signifikan pada fakad ini menyebabkan ada di antara gaya seni bina fakad ini sukar untuk dikenalpasti. Perkara ini memberi implikasi dari segi reka bentuk bandar secara makro dan mikro. Oleh itu, penyelidikan ini memfokuskan kepada pengurusan bangunan

warisan khusus berkenaan gaya seni bina fakad rumah kedai warisan yang melatari sebahagian besar Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh. Pengurusan yang dimaksudkan ini adalah berkaitan sistem pengurusan maklumat dalam bentuk inventori yang merangkumi gaya seni bina serta intervensi fakad rumah kedai warisan. Hasil penyelidikan ini dilihat mampu membantu pemegang taruh untuk menambahbaik dan merancang sistem pengurusan maklumat bangunan warisan sedia ada.



Rajah 1.1 Rangka kerja konseptual penyelidikan.

1.5 Persoalan Penyelidikan

Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk memastikan pengekalan seni bina fakad rumah kedai warisan di Kawasan Warisan Bandaraya Ipoh. Beberapa persoalan dirangka bagi mencapai tujuan penyelidikan ini iaitu:

i. Persoalan Penyelidikan 1

Apakah elemen fakad rumah kedai warisan yang signifikan mengikut garis masa dari konteks seni bina?

ii. Persoalan Penyelidikan 2

Bagaimanakah kaedah untuk mengenalpasti kategori gaya seni bina fakad rumah kedai warisan di Bandaraya Ipoh?

iii. Persoalan Penyelidikan 3

Bagaimanakah kaedah untuk menilai keutuhan reka bentuk fakad rumah kedai warisan?



1.6 Objektif Penyelidikan

Secara umumnya, penyelidikan ini bertujuan untuk menyumbang dan menyokong ke arah pemuliharaan bangunan warisan ke peringkat global. Namun begitu, ianya perlu melalui beberapa peringkat iaitu reka bentuk inventori, penilaian dan penarafan fakad rumah kedai warisan untuk menggalakkan, mendidik dan meningkatkan kesedaran pemilik untuk mengekalkan dan memulihara fakad rumah kedai warisan. Oleh yang demikian, tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk memenuhi peringkat pertama iaitu merekabentuk inventori fakad rumah kedai warisan sebagai indikator untuk penarafan keutuhan reka bentuk fakad rumah kedai warisan ke arah menjadikan Ipoh sebagai

Bandar Warisan sekaligus mencapai matlamat kerajaan tempatan supaya tersenarai sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada masa akan datang. Maka, objektif penyelidikan digariskan seperti yang berikut manakala ringkasan objektif dan implikasinya adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.5:

- i. **Objektif penyelidikan 1**
Mengenalpasti elemen fakad rumah kedai warisan yang signifikan mengikut garis masa.
- ii. **Objektif Penyelidikan 2**
Membangunkan matriks taksonomi gaya seni bina fakad rumah kedai warisan di Bandaraya Ipoh.
- iii. **Objektif penyelidikan 3**
Membangunkan rubrik penilaian intervensi fakad rumah kedai warisan di Bandaraya Ipoh.

Jadual 1.5 Ringkasan objektif dan implikasi penyelidikan.

Reka Bentuk Penioaian Inventori Fakad Rumah Kedai Warisan: Kajian Kes Bandaraya Ipoh	
<p>Mengalakkan, mendidik dan meningkatkan kesedaran pemilik untuk mengekalkan dan memulihara fakad rumah kedai warisan.</p>	
<p>1 Reka bentuk inventori</p>	<p>2 Penilaian</p>
<p>3 Penarafan fakad</p>	
Objektif penyelidikan	Implikasi objektif penyelidikan
<p>1 Mengenalpasti elemen fakad rumah kedai warisan yang signifikan mengikut garis masa.</p>	<p>Perhatian fokus kepada elemen fakad rumah kedai warisan yang signifikan dalam menyampaikan karektor imej dan identiti seni bina fakad.</p>
<p>2 Membangunkan matriks taksonomi gaya seni bina fakad rumah kedai warisan di Ipoh.</p>	<p>Membantu dalam kaedah penentuan gaya seni bina fakad rumah kedai warisan berdasarkan formula dan matriks taksonomi gaya seni bina dengan lebih efektif.</p>
<p>3 Membangunkan rubrik penilaian intervensi fakad rumah kedai warisan di Ipoh.</p>	<p>Merekod penilaian intervensi yang akan memudahkan PBT untuk mengenal pasti situasi, memberi panduan serta memutuskan jenis rawatan yang sesuai kepada pemilik supaya semua elemen fakad berkeadaan utuh dan menghasilkan deretan fakad yang cantik dari konteks makro dan mikro reka bentuk bandar.</p>

1.7 Rangka Kerja Penyelidikan

Kaedah penyelidikan kualitatif ini dijalankan melalui beberapa kaedah berdasarkan persoalan dan objektif penyelidikan yang dirangka iaitu kajian dokumen, pemerhatian dan artifak untuk pengumpulan data di Kawasan Warisan Ipoh melalui konteks kajian kes seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.6. Kaedah untuk penyelidikan ini diterangkan dengan lebih terperinci dalam Bab 3 Metodologi Penyelidikan.

Jadual 1.6 Rangka kerja penyelidikan.

Rangka Kerja Penyelidikan			
	1	2	3
Persoalan Penyelidikan	Apakah elemen fakad rumah kedai warisan yang signifikan dari konteks seni bina?	Bagaimanakah kaedah mengenalpasti gaya seni bina fakad rumah kedai warisan Ipoh?	Bagaimanakah kaedah untuk menilai keutuhan reka bentuk fakad rumah kedai warisan?
Objektif penyelidikan	Mengenalpasti elemen signifikan fakad rumah kedai warisan.	Membangunkan matriks taksonomi gaya seni bina fakad rumah kedai warisan di Ipoh.	Membangunkan rubrik penilaian intervensi fakad rumah kedai warisan di Ipoh.
Pengumpulan data penyelidikan: Kaedah pelbagai	Kajian dokumen.	Kajian dokumen, pemerhatian dan artifak.	Kajian dokumen, pemerhatian dan artifak.
Data penyelidikan	Dokumen.	Dokumen, nota lapangan dan foto.	Dokumen, nota lapangan dan foto.
	Dokumen: Buku, artikel, laporan RKK Ipoh, RKK George Town, RKK Melaka, RKK Taiping, inventori Ipoh, inventori Melaka dan inventori Kanada.		
Kajian kes	-Tiada-	Jalan Sultan Iskandar, Ipoh melibatkan 118 fakad rumah kedai warisan.	

1.8 Skop Penyelidikan

Skop penyelidikan ini adalah seperti yang berikut:

i. Kawasan kajian

Kawasan kajian ini merangkumi Kawasan Warisan Ipoh terhad kepada Zon Teras.

ii. Bangunan kajian

Bangunan warisan yang berbentuk rumah kedai sama ada untuk kegunaan kediaman sepenuhnya (rumah bandar) atau kegunaan bercampur iaitu kediaman dan komersil merupakan populasi yang akan dikaji.

iv. Komponen bangunan rumah kedai warisan

Komponen utama yang dikaji pada rumah kedai warisan ini adalah fakad hadapan sahaja. Elemen utama pada fakad akan dihuraikan dengan lebih terperinci untuk menjelaskan karektor seni bina Peralihan, Eklektik, Neoklasik, Seni Dekorasi, Awal Moden dan Moden.

v. Gaya seni bina

Gaya seni bina utama yang terdapat di Kawasan Warisan Ipoh adalah Peralihan, Eklektik, Neoklasik, Seni Dekorasi, Awal Moden dan Moden. Ruang lingkup penyelidikan hanya meliputi ciri-ciri fizikal yang menyampaikan karektor umum elemen fakad untuk setiap gaya seni bina. Oleh yang demikian, penilaian fakad adalah tidak termasuk untuk mentafsir setiap perincian perbezaan karektor dan rupa bentuk yang terdapat pada elemen fakad.

1.9 Struktur Tesis

Laporan penyelidikan ini mengandungi 6 bab dan ringkasan setiap bab adalah seperti Rajah 1.2 yang berikut:

BAB 1 PENDAHULUAN	<ul style="list-style-type: none">• Bab ini menerangkan latar belakang penyelidikan dan kepentingan untuk menjalankan penyelidikan ini. Ia juga memformulasikan tujuan kajian, pernyataan masalah, persoalan penyelidikan, objektif yang relevan dan metodologi penyelidikan.
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	<ul style="list-style-type: none">• Bab ini memfokuskan kepada kajian literatur hasil dari data sekunder dan dibahagikan kepada beberapa tema bagi menjawab setiap persoalan penyelidikan seperti kategori bangunan warisan, gaya seni bina fakad, serta pengurusan bangunan warisan.
BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN	<ul style="list-style-type: none">• Dalam bab ini ada membincangkan tentang justifikasi pemilihan metodologi penyelidikan, falsafah penyelidikan, reka bentuk penyelidikan dan kaedah pengumpulan data yang merangkumi kaedah pelbagai melibatkan pemerhatian, kajian kes dan analisis dokumen.
BAB 4 KAJIAN KES: KAWASAN WARISAN IPOH	<ul style="list-style-type: none">• Konteks kajian untuk penyelidikan ini melibatkan Kawasan Warisan Ipoh dan kajian kes adalah tertumpu pada deretan rumah kedai warisan di Jalan Sultan Iskandar, Ipoh. Sejarah awal Ipoh turut diuraikan secara ringkas dalam bab ini termasuklah komponen rumah kedai warisan secara umum.
BAB 5 ANALISIS DAN PENEMUAN PENYELIDIKAN	<ul style="list-style-type: none">• Dapatan dalam bab ini disokong dari maklumat dari Bab 2 dan nota lapangan hasil daripada pemerhatian untuk membentuk penemuan penyelidikan dan mengaitkan persoalan kajian yang lebih meluas serta kaedah menganalisis data.
BAB 6 KESIMPULAN	<ul style="list-style-type: none">• Bab ini merumuskan hasil penemuan penyelidikan yang merujuk kepada persoalan dan objektif penyelidikan secara keseluruhannya dan memberi cadangan untuk penyelidikan akan datang dalam pemuliharaan rumah kedai warisan.

Rajah 1.2 Ringkasan bab laporan penyelidikan.